

MDEC, CEDAR bantu PKS adaptasi pendigitalan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad - September 17, 2021 @ 2:55pm

hazwanfaisal@mediaprima.com.my



KUALA LUMPUR: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bekerjasama dengan Centre of Entrepreneur Development And Research (CEDAR), anak syarikat SME Bank, bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengadaptasi pendigitalan.

Ini adalah sebagai persediaan buat PKS ketika negara sedang bergerak menuju ke arah pemulihan ekonomi pasca pandemik.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz, berkata CEDAR telah dilantik sebagai rakan kongsi dalam Program Pemacu Digital PKS MDEC, di mana ia bermatlamat untuk melatih 1,000 perniagaan dan memadankan mereka dengan penyelesaian digital dan kemudahan insentif jika diperlukan.

Katanya, program transformasi perniagaan itu menyediakan PKS dengan pendekatan berstruktur untuk mereka memulakan pengadaptasian digital dan memastikan pelaksanaannya dengan pencapaian berdasarkan hasil.

"PKS terkesan teruk disebabkan pandemik dan mereka perlu melihat semula pelbagai aspek dalam perniagaan mereka merentasi pemasaran digital. Operasi perlu dioptimumkan dan teknologi digital merupakan pendorong utama.

"Banyak PKS masih tidak menyedari mengenai bagaimana untuk memulakan pengadaptasian digital, oleh itu, Program Pemacu Digital PKS berperanan untuk membantu mereka untuk mengatasi halangan dalam mengadaptasi digital dan melonjakkan lagi perniagaan mereka selaras dengan usaha kita untuk bergerak ke arah pemulihan ekonomi.

"MDEC akan terus menekankan kepentingan pendigitalan dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara digital yang progresif, memajukan ekonomi digital secara inklusif dan menjunjung kedaulatan digital, selaras dengan visi kami serta matlamat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL)," katanya dalam kenyataan hari ini.

PKS yang layak dan berdaftar akan menyertai bengkel latihan maya selama tiga hari di mana mereka akan didedahkan kepada modul 'Lean Model Canvas' dan 'Design Thinking', selain teknologi padanan dengan pilihan lebih 400 Penyedia Penyelesaian Teknologi (TSPs).

Matlamat program itu ialah untuk membantu PKS meningkatkan pendapatan, mengurangkan jam kerja atau mengurangkan masa proses pusingan.

Sementara itu Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail, berkata CEDAR akan menyediakan platform diagnostik baharu dan menarik kepada PKS untuk mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk mereka, sama ada keperluan kewangan, teknologi atau perniagaan.

Katanya, platform itu dikenali sebagai Enterprise Lifecycle Scoring Assessment atau ELSA yang dibangunkan secara bersama dengan Malaysia Rating Corporation Bhd (MARC).

"Ia berperanan menghasilkan laporan kepada setiap PKS yang akan menamatkan program ini, meliputi bahagian penambahbaikan dalam keseluruhan operasi perniagaan dan jangka hayat perniagaan.

"CEDAR, menyediakan pembangunan penyelesaian merentasi kewangan dalam membantu PKS berdepan dengan impak COVID-19 dan menuju ke arah pemulihan. Alat ELSA dan pembangunan latihan kami menyediakan peluang ini kepada PKS, di mana laporan yang dijana oleh ELSA akan membantu PKS mengenal pasti bahagian yang memerlukan penambahbaikan oleh mereka.

"Inisiatif bersama MDEC ini, membantu PKS memasuki persekitaran digital seperti mana yang diharapkan oleh Kerajaan dan turut melibatkan lebih 400 TSPs termasuk rakan kongsi seperti Unifi serta TM ONE," katanya.